

04/09/1998

Pelucutan bukti ketegasan Dr M

Mustapa Omar in Durban (Afrika Selatan)

DURBAN (Afrika Selatan), Khamis - Tindakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim membuktikan beliau lebih sayangkan kerajaan dan negara daripada orang yang dikatakan sebagai penggantinya.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata tindakan Perdana Menteri itu juga menunjukkan ketegasannya berpegang teguh kepada prinsip penting dalam amalan kerajaan, pemerintahan serta kepimpinan.

"Ini adalah sesuatu yang perlu kita fahami, terutama ia dilakukan dalam keadaan ekonomi sekarang dan Anwar sendiri adalah Menteri Kewangan.

"Mungkin Perdana Menteri sendiri lebih sedih ketika membuat keputusan itu, tetapi dengan tersebar sebab mengapa ia perlu dilakukan, saya percaya rakyat dan ahli Umno akan memahaminya," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, hari ini.

Beliau mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Puncak Pergerakan Berkecuali (NAM) di sini selepas Perdana Menteri mengumumkan tidak dapat hadir kerana perlu memberikan perhatian kepada usaha pemulihan ekonomi di dalam negara.

Semalam, Anwar dilucutkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan berkuatkuasa jam 5.30 petang. Tiada sebab diberi berikutan pelucutan itu.

Abdullah berkata, beliau percaya Perdana Menteri sangat berhati-hati dalam mengambil tindakan, terutama yang meninggalkan kesan begitu besar kepada rakyat dan ahli Umno.

Menurutnya, jika tindakan Dr Mahathir itu dianggap sesuatu yang mengejutkan di kalangan rakyat dan ahli Umno, tentulah ada sebab yang kuat, kukuh dan meyakinkan untuk beliau berbuat demikian.

Mengenai kenyataan Anwar ada pakatan di kalangan pihak tertinggi untuk menjatuhkannya, Abdullah berkata, Anwar bebas untuk menyatakan pandangannya, tetapi dia perlu membuktikan apa yang dikatakan itu benar.

Menurutnya, pihak pendakwa juga sudah tentu mempunyai bukti kukuh yang diperolehi hasil penyiasatan yang dijalankan polis.

Abdullah juga berkata, ketika menghubungi Perdana Menteri pagi ini bagi memaklumkan mengenai perkembangan Sidang Puncak NAM, beliau turut mengambil kesempatan memaklumkan sokongan penuh ke atas tindakan itu.

"Saya juga menyatakan kepada beliau saya tidak dapat hadir pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno yang penting malam ini," katanya.

Selain itu, katanya, beliau memaklumkan kepada Perdana Menteri mengenai hasil pertemuannya dengan beberapa pemimpin negara anggota NAM yang hadir pada persidangan kali ini.

"Saya menyampaikan salam mereka kepada beliau dan harapan mereka supaya Dr Mahathir mencapai kejayaan memimpin negara dalam usaha memulihkan ekonomi," katanya.

(END)